

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 JULAI 2023

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 14

Ada T20 perlukan subsidi bersasar

Ada T20 perlukan subsidi bersasar

SHAMSHUL ANAZ KASSIM

SU subsidi bersasar masih lagi diperkatakan dalam kalangan rakyat. Ada suara yang mengatakan adil, tidak adil serta sesetengah pihak pula berpendapat perlu kajian menyeluruh sebelum dilaksanakan.

Baru-baru ini, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli mengumumkan, pendekatan bersasar pendapatan boleh belanja bersih isi rumah bakal dilaksanakan Januari tahun depan sebagai langkah penstrukturkan ekonomi untuk pengagihan subsidi bersasar yang lebih fokus.

Beliau berkata, pendekatan ketika ini yang lebih tertumpu kepada pendapatan rendah (B40), sederhana (M40) dan tinggi (T20) tidak menggambarkan sepenuhnya dari segi perbandingan mempunyai satu isi rumah ke isi rumah lain meliputi bilangan tamuun dan anak dan lösasi individu.

Rafizi berkata pendekatan baharu itu akan diintegrasikan dengan inisiatif Pangkalan Data Utama (Padu) yang telah diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai usaha penggabungan maklumat sosioekonomi bagi setiap isi rumah dalam negara bagi mempermekaskan pelaksanaan subsidi bersasar.

Walaupun telah ada pengumuman penambahbaikan daripada kerajaan, rakyat masih resah dan tertanya-tanya apakah subsidi bersasar ini akan mengurangkan jurang ekonomi dalam kalangan rakyat miskin, sederhana dan kaya? Tambahan pula, definisi dan takrifan B40, M40 dan T20 terlalu longgar.

Adakah pendapatan isi rumah melebihi RM10,000 itu kaya? Begitu juga dengan takrifan sederhana dan miskin. Dengan adanya subsidi bersasar, masalah kemiskinan dapat dikurangkan atau harga barang dapat dikurangkan dan



PELBAGAI program dan bantuan disediakan oleh kerajaan untuk kesejahteraan rakyat dalam Belanjawan 2023. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

KATEGORI	PERATUSAN	PENDAPATAN ISI RUMAH BULANAN
B40	40%	Bawah RM4,850
M40	40%	RM4,851-RM10,970
T20	20%	RM10,971 ke atas

distabilkan di pasaran dalam jangka masa pendek dan panjang?

Banyak risiko dan kesan akan berlaku sekiranya ia tetap dilaksanakan. Antaranya harga barang tidak stabil, agihan subsidi tidak seimbang, emosi dan stres kepada pengkelasan pendapatan isi rumah yang masih diragui dan dibantui dengan 1,000 macam kegelisahan.

Kita melihat dari skop mudah. Kebanyakan cukai dibayar oleh golongan T20. Golongan ini terdiri daripada profesional dan peniaga.

Kebanyakannya menyumbang kepada pendapatan negara. Jika kerajaan memenggiringkan subsidi bersasar kepada T20, maka mereka akan membayar pada harga barang dengan lebih tinggi. Mungkin naiknya hingga 100 peratus. Ini amat membebankan.

KUASA BELI RAKYAT BERGANTUNG PADA PENDAPATAN BERSIH DARI SETIAP PENGGELASAN PENDAPATAN GAJI.

GAJI
Jika ini berlaku, golongan peniaga yang terkesan ini akan meningkatkan harga barang bagi mengurangkan ketidaktunaan subsidi. Tindakan ini akan memberi kesan kemunculan harga barang secara langsung pada golongan B40 dan M40.

Oleh itu, subsidi perlu diberikan kepada semua golongan pengkelasan

pendapatan B40, M40 dan T20 tanpa mengira gaji. Ini kerana ia adalah soal rakyat, soal kehidupan dan soal kos sara hidup.

Bantuan subsidi berterusan kepada semua golongan boleh mengurangkan kadar inflasi secara sifat. Kenapa kerajaan masih mengukur pendapatan dari pengkelasan pendapatan isi rumah dan gred gaji?

Pada pandangan saya, ukuran ini tidak sesuai dalam konteks pengagihan subsidi. Ia perlu diukur dengan cara lebih terperinci.

Pada masa kini, kaedah diguna pakai untuk menentukan garis kemiskinan adalah bersandarkan jumlah pendapatan isi rumah semata-mata tanpa melihat komitmen ditanggung rakyat.

Ukuran ini perlu diubah. Mungkin dengan pengukuran gaji bersih pendapatan isi rumah tanpa mengikut gred gaji, flada lagi istilah B40, M40 dan T40 seperti diperkatakan Rafizi.

Dalam satu kajian baru dijalankan, 93 peratus atau 10,958 daripada keseluruhan

11,855 responden bersetuju kategori pendapatan B40, M40 dan T20 diganti pendapatan boleh belanja bersih.

Oleh itu, kerajaan perlu menilai dan mempertimbangkan semula isu subsidi bersasar kepada semua golongan rakyat tanpa mengira status dan gaji.

Antara langkah kerajaan ketika ini adalah memastikan sistem Padu disediakan terlebih dahulu kerana ia akan menghimpunkan data pendapatan boleh belanja bersih isi rumah bagi menggantikan pengkelasan pendapatan isi rumah.

Kuasa beli rakyat bergantung pada pendapatan bersih dari setiap pengkelasan pendapatan gaji. Ini bermaksud mungkin T20 boleh menjadi B40 atau M40 setelah tolak semua komitmen hutang dan pelbagai perbelanjaan.

Pengkelasan selain T20 mempunyai pelbagai peluang perniagaan daripada kerajaan bagi menambahkan pendapatan. Kemungkinan, pendapatan bersih dan kuasa beli mereka mungkin T20.

Kuasa beli T20 boleh memberi pernambahan terbesar kepada pendapatan negara. Kumpulan isi rumah miskin iaitu berpendapatan bulanan kurang daripada pendapatan garis kemiskinan (PGK) di mana nilai PGK nasional sekarang adalah RM2,208 sebulan.

Pelbagai program dan bantuan disediakan oleh kerajaan (rujuk ringkasan inti pati Belanjawan 2023).

Oleh itu, berdasarkan kenyataan di atas, kerajaan disaran melakukan kajian terperinci sebelum melaksanakan pemberian subsidi bersasar dan seboleh-bolehnya memberi subsidi dan bantuan kepada semua golongan rakyat dengan mewujudkan pengiraan berdasarkan pendapatan bersih isi rumah seperti telah dijanjikan.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perlis.